

Usah jadikan kegagalan SPM henti proses belajar

Masih belum terlambat untuk mengucapkan tahniah kepada pelajar yang berjaya mendapat keputusan cemerlang pada peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang diumumkan baru-baru ini. Bagi yang tidak berjaya, ini bukanlah pengakhiran kehidupan sebaliknya perjalanan hidup baru sahaja bermula.

SPM bukanlah penentu sebenar masa depan seseorang, sebaliknya pemangkin untuk lebih berjaya. Malah, ada sebahagian pelajar yang masih mampu berjaya dan menjadi orang hebat walaupun kurang cemerlang dalam SPM.

Tidak semua manusia yang berjaya hari ini bermula dengan kecemerlangan pada permulaan. Gagal itu sebenarnya dapat menjadi motivasi diri agar lebih bersemangat untuk memperoleh kejayaan diimpikan.

Kegagalan jadi pemangkin

Saya sendiri mengaku pernah gagal dalam pelajaran, tetapi selepas itu saya memotivasikan diri dan cuba untuk menjadi lebih baik. Alhamdulillah, kegagalan menjadi pemangkin untuk saya berjaya.

Buat adik-adik, jangan berhenti



Pelajar menduduki peperiksaan untuk menentukan pencapaian dalam pelajaran.

[GAMBAR HIASAN]

hanya di SPM, sebaliknya mohonlah untuk belajar ke peringkat lebih tinggi. Jangan jadikan kegagalan alasan untuk berhenti menuntut ilmu.

Kini terdapat pelbagai sektor

pengajian yang boleh diikuti selepas SPM seperti sijil, matrikulasi, diploma dan kemahiran. Seseorang itu tidak seharusnya memandang remeh taraf mana-mana institusi pengajian yang

mungkin pada fikiran adalah kelas rendah atau tidak begitu dipandang orang kerana terbukti ada yang berjaya walaupun menuntut dalam bidang kemahiran.

Banyak faktor yang boleh

dijadikan motivasi diri selepas gagal mencipta kejayaan, antaranya:

Berfikiran jauh

Tidak senang untuk senang dan tidak susah untuk susah. Tiada manusia yang berjaya tanpa usaha. Seseorang itu akan menghargai dan berpuas hati dengan keputusan diperoleh jika berusaha.

Ingat jasa ibu bapa

Hargai segala jasa ibu bapa. Cuba rasai kepayahan mereka dalam membesarkan anak kerana mereka berpagi-pagi mencari rezeki tanpa mengeluh penat. Jika ibu bapa menoreh getah, cuba ikut mereka ke kebun dan rasai kepenatan ditanggung mereka.

Kejayaan rakan lain

Hadirkan rasa bersaing secara sihat dan cuba untuk atasi kejayaan diperoleh rakan tetapi jangan pula timbul rasa hasad dengki kepada rakan. Cuba untuk menjadi lebih baik daripada mereka.

Naili Husna Mohd Najib

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)